

01/09/1997

(Mingguan BSKL)

BURSA Saham Kuala Lumpur (BSKL) dijangka pulih minggu ini hasil sokongan institusi tempatan berikutan arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Khamis lalu.

Penganalisis meramalkan Indeks Komposit (IK) akan naik melebihi paras 900 mata manakala Indeks Papan Kedua mungkin meningkat di atas paras 300 mata berikutan sokongan kukuh daripada institusi tempatan.

Bursa saham tempatan akan kembali seperti sedia kala tidak lama lagi, kata seorang penganalisis.

"Malahan pada pagi Jumaat, pasaran sudah menunjukkan jejak pemulihan hasil sokongan institusi tempatan," tambahnya.

Penganalisis berkata, prestasi ringgit yang dijangka bertambah baik minggu depan juga menambahkan keyakinan kepada pelabur untuk terus menyokong pasaran saham.

Pada jam 5.04 petang Jumaat, mata wang tempatan itu ditutup pada 2.8949/95 berbanding unit dolar Amerika daripada penutupan Khamis pada 2.8850/00. Unit tempatan meningkat hampir 160 mata apabila dibanding dengan paras pembukaan 2.9480/30.

Kenyataan Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Affifuddin Omar yang menggesa institusi tempatan kembali semula ke pasaran secara besar-besaran juga akan melonjakkan bursa tempatan itu pada minggu depan, katanya.

Kelmarin, Dr Mahathir berkata, institusi tempatan akan diminta meneruskan sokongan agresif mereka sehingga Indeks Komposit kembali ke paras 1,000 mata. Indeks Komposit ditutup minggu lalu pada paras 804.40 mata.

Juga wujud khabar angin di pasaran saham bahawa bank tidak akan membuat panggilan margin buat sementara waktu terhadap peminjam yang menggunakan sandaran saham mereka. Sehingga kini, pihak berkuasa terbabit belum membuat sebarang pengumuman rasmi.

Indeks Emas jatuh 40.30 mata kepada 219.48, Indeks Papan Kedua menjunam sebanyak 111.51 mata kepada 373.74 manakala Indeks Perusahaan susut 259.33 mata kepada 1,619.23.

Minggu lalu menyaksikan Indeks Komposit mencecah paras rendah sejak 31 bulan di paras 856.00 mata pada Selasa sebelum mencapai 812.18 mata pada Khamis, paras rendah baru sejak empat tahun, berikutan jualan dana asing hasil daripada peraturan serahan sebelum jualan.

Jumlah dagangan Papan Utama minggu lalu meningkat kepada 1.585 bilion saham bernilai RM6.201 bilion daripada 1.047 bilion saham bernilai RM4.934 bilion sebelumnya.

Jumlah dagangan Papan Kedua pula meningkat kepada 197.236 juta saham bernilai RM1.575 bilion minggu lalu daripada 144.585 juta saham bernilai RM1.489 bilion minggu sebelumnya. - Bernama

(END)